



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# E-BULETIN TERAJJU

eISSN 3030-5284

VOL. 01 | JANUARI - MAC 2024

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI



## PEMERKASAAN PENDIDIKAN TINGGI NEGARA

Muka Surat **4**

# JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI

**YBhg. Prof. Dato' Dr. Razli bin Che Razak**  
Naib Canselor

**YBhg. Prof. Dato' Dr. Nik Mahtera binti Nik Muhammad**  
Timbalan Naib Canselor Akademik Dan Antarabangsa

**YBhg. Prof. Dr. Mohammad bin Ismail**  
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni

**YBhg. Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah**  
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan Dan Inovasi

**En. Khairul Eruwan bin Abdul Halim**  
Pendaftar

**Pn. Wan Noor Azimah binti Wan Muhammad**  
Menjalankan Fungsi Bendahari

**En. Azman bin Hashim**  
Ketua Pustakawan

**Pn. Noraini binti Idris**  
Penasihat Undang-Undang

## SIDANG EDITORIAL BULETIN TERAJU

PENAUNG  
**YBhg. Prof. Dato' Dr. Razli bin Che Razak**  
Naib Canselor

PENASIHAT  
**En. Mohd Adzwan bin Kamaruzaman**  
Pegawai

KETUA EDITOR  
**YM Tuan Zulkipeli bin Tuan Yeh**  
Pegawai Penerbitan Kanan

EDITOR  
**Pn. Norshazrina binti Sabri**  
Guru Bahasa

PENOLONG EDITOR  
**Pn. Nurnadia binti Othman**  
Penolong Pegawai Tadbir

LAPORAN BERITA  
**En. Syarime bin Wosley@Memih**  
Wartawan

ILUSTRASI  
**Pn. Elyani binti Zamri**  
**Pn. Normala binti Othman**  
Pereka

SUMBER FOTO  
**En. Mohd Al Azam bin Mat Razi**  
**En. Ab Halim Hafiz bin Ab. Aziz**  
Jurugambar

PEMBANTU KHAS  
**Pn. Nur Amalina binti Muhammad Afandi**  
Pegawai Khidmat Pelanggan

**Cik Siti Nasuha binti Mohd Kamri**  
**Cik Siti Norsuhaini binti Shaari**

HAK CIPTA UMK, 2024

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Pusat Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor UMK.

No. eISSN : 3030-5284

Diterbitkan oleh :

Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Laman Web  
Pusat Komunikasi Korporat  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok.  
Kelantan Darul Naim.

Tel : 09 - 7797015  
Emel : bpk.pkk@umk.edu.my  
Website : corporate.umk.edu.my

**4** UMK SAMBUT BAIK SARANAN  
PERDANA MENTERI DALAM  
STRATEGI PEMERKASAAN  
PENDIDIKAN TINGGI NEGARA

**6** UMK TAWAR PROGRAM  
PENGAJIAN IJAZAH SARJANA  
MUDA TEKNOLOGI TENAGA  
BERMULA SEPTEMBER 2024

**8** BICARA INSPIRASI TEKNO  
HUFFAZ: PERKONGSIAN  
PENGALAMAN PROGRAM ASASI  
TEKNOLOGI MAKLUMAT HUFFAZ

**9** PELABUR ARAB SAUDI TINJAU  
PROJEK PERUSAHAAN TERNAKAN  
LEMBU TENUSU UMK

**10** UMK TUBUHKAN UNIT  
KEUSAHAWANAN DAN  
KEPIMPINAN HIJAU MELALUI  
PROJEK ANGEL

**12** UMK SAHUT LIMA INISIATIF  
UTAMA DAN 20 ASPIRASI KPT KE  
ARAH PENINGKATAN PRESTASI  
KECEMERLANGAN PENDIDIKAN  
TINGGI NEGARA

**14** FTKW & DONGSEO UNIVERSITI  
KOREA ANJUR BENGKEL PROJEK  
REKA BENTUK



LENSA  
JANUARI  
FEBRUARI  
MAC

**15** HALA TUJU DAN KEBERHASILAN UTAMA UNIVERSITI AGENDA UTAMA RETREAT PENGURUSAN UMK 2024

**16** 100 PELAJAR UMK TERIMA SUMBANGAN BANTUAN AWAL YAYASAN BANK RAKYAT

**17** UMK DAN TERMEZ STATE PEDAGOGICAL INSTITUTE, UZBEKISTAN JALIN KERJASAMA AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN

**18** UMK BANGUNKAN PROJEK PENANAMAN GERMPLOM KELAPA

**19** BENGKEL PERUSAHAAN SOSIAL BERSAMA KOMUNITI 2024

**20** LAMAN WOODBALL UMK BERTARAF ANTARABANGSA, TERIMA PENGIKTIRAFAN PERSATUAN WOODBALL MALAYSIA (MWA)

**22** PERKAMPUNGAN ORANG ASLI POS BLAU DIPILIH KAMPUNG ANGKAT UMK

**24** ACARA SUKAN WOODBALL BUKA TIRAI KEJOHANAN SUKAN ANTARA PUSAT SUKAN 2024

**25** UNIMAP JUARA KESELURUHAN KEJOHANAN SUPSAT 2024

**26** TELAGA TIUB UMK BEKAL 79 RIBU GELEN AIR SEHARI

**27** UMK LAYAK KE LIGA PREMIER FUTSAL IPT 2024

**28** SMART CLASSROOM UMK DILENGKAPI TEKNOLOGI IR4.0 DAN SISTEM KECERDASAN BUATAN (AI)

**30** UMK DAN UMS TANDATANGANI PERJANJIAN HARTA INTELEK TEKNOLOGI INSOLER

**32** UMK MENANG DUA ANUGERAH KEUSAHAWANAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI 2023, FINALIS INSTITUSI UNIVERSITI TERBAIK

**34** INSPIRASIPRENEUR COMMUNITY PROGRAM PEMINDAHAN ILMU BERIMPAK BANTU KOMUNITI MISKIN KELUAR KEMISKINAN



# UMK SAMBUT BAIK SARANAN PERDANA MENTERI DALAM STRATEGI PEMERKASAAN PENDIDIKAN TINGGI NEGARA

KUALA LUMPUR, 7 Januari 2024 | Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menyambut baik pendekatan dan saranan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim supaya Universiti melakukan pendekatan baharu dalam usaha menyokong strategi pemerkasaan agenda pendidikan tinggi negara.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, YBhg. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan berkata, Perdana Menteri menyarankan supaya Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memberi ruang dan kelonggaran kepada pimpinan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk mewujudkan idea-idea baharu yang akhirnya akan melahirkan mahasiswa berdisiplin serta berkualiti tinggi.

Beliau berkata, dengan ini IPT dilihat mampu bersaing dengan lebih baik di peringkat serantau dan dunia. Secara tidak langsung



Insyallah, saya percaya UMK dapat menghasilkan sesuatu yang lebih proaktif dan berkesan berkenaan halatuju dan pelan strategi Kementerian Pendidikan Tinggi khususnya dalam agenda pemerkasaan pendidikan keusahawanan sebagai tujahan universiti dalam mencapai misi dan visi universiti.

**Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan**  
Pengerusi  
Lembaga Pengarah UMK

penyelesaian masalah dalam sektor pendidikan tinggi negara dapat ditangani oleh pemimpin universiti.

"Dalam ucapan perasmian itu, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim melihat di peringkat KPT hanya perlu bertanggungjawab sebagai penyelaras bagi mengelakkan sebarang pertindihan" katanya pada program Wacana Strategi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di Dewan Tun Dr. Ismail, Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur, pada 5 Januari 2024.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dato' Dr. Nik Mahtera binti Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah dan Pengarah Pusat Strategik dan Risiko, Prof. Madya Ts. Dr. Zuraimi bin Abdul Aziz.

Program itu dihadiri lebih 500 peserta khususnya golongan akademik dari barisan Pengurusan

Tertinggi KPT, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Awam (UA), Pengurusan Utama UA, Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPT), Politeknik, Kolej Komuniti, industri dan pakar rujuk serta pemikir sepanjang wacana dua hari dengan objektif utama sebagai platform kepada semua pihak berkepentingan dalam landskap pendidikan tinggi.

Sementara itu, Menteri Pendidikan Tinggi yang baharu, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir dalam ucapan perasmian penutup Wacana Strategi KPT semalam menyarankan supaya warga KPT yang ditunjangi oleh IPT di tanah air perlu menjadi minda kepada rakyat.

Menurut Dato' Dr. Hassan Basri, YB Menteri memaklumkan bahawa di KPT terkumpul segala cerdik pandai dan cendekiawan dari pelbagai bidang kepakaran yang perlu dikumpulkan kekuatan mereka ke arah memacu negara menjadi sebuah negara yang dihormati

bukan hanya di rantau ini malah seantero dunia.

"Justeru, wacana ini bukan sekadar platform tetapi menyediakan wahana kepada semua pihak berkepentingan dalam landskap pendidikan tinggi khususnya golongan akademik.

"Melalui saranan, perkongsian idea, pemikiran dan hala tuju oleh Perdana Menteri ini perlu disambut dan diperincikan secara mendalam oleh kepimpinan universiti sebelum kita membentuk perjalanan pendidikan tinggi negara.

"Insyallah, saya percaya UMK dapat menghasilkan sesuatu yang lebih proaktif dan berkesan berkenaan halatuju dan pelan strategi Kementerian Pendidikan Tinggi khususnya dalam agenda pemerkasaan pendidikan keusahawanan sebagai tujahan Universiti dalam mencapai misi dan visi Universiti," katanya.



# UMK TAWAR PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI TENAGA BERMULA SEPTEMBER 2024



• JELI 8 Januari 2024  
• I Universiti Malaysia  
• Kelantan (UMK) melalui  
• Fakulti Biokejuruteraan  
• dan Teknologi (FBKT)  
• akan menawarkan  
• program baharu Ijazah  
• Sarjana Muda di dalam  
• bidang Teknologi Tenaga.

• Timbalan Dekan Akademik (FBKT),  
• Ts. Dr. Ainihatyati Abdul Rahim  
• berkata, penawaran program  
• baharu itu dijangka bermula  
• pada Semester September Sesi  
• 2024/2025.



Beliau berkata, program ini dijalankan dengan mod pengajian secara mod kerja kursus dan mod industri serta tempoh pengajian adalah 3.5 tahun.

“Pihak Fakulti juga di dalam perancangan untuk menawarkan Kursus *Energy Literacy* sebagai elektif bebas yang akan ditawarkan kepada pelajar FBKT dan merentasi fakulti.

“UMK adalah universiti awam pertama di Kelantan yang menawarkan program ini khususnya berkaitan peralihan tenaga, kecekapan tenaga, literasi pengguna dan keselamatan,” katanya pada perasmian Seminar Malaysia *Energy Literacy Programme (MELP) 2024* anjuran FBKT dengan kerjasama Tenaga

Nasional Berhad (TNB), di Dewan Utama, UMK Kampus Jeli, Kelantan, hari ini.

Seminar yang dihadiri 200 pelajar FBKT dan Fakulti Sains BUMI (FSB) ini diadakan bersempena *Techno Innovation Expo 2024 (TIE 2024)*.

Turut hadir, Pengurus Besar TNB Kelantan, En. Muhammad Azli Ab Rahim, Pengurus Stesen Janakuasa Pergau Jeli, Ir. Ts. Mohd Nasron Embong, Wakil Ketua Retail TNB Negeri Kelantan, En Muhammad Haslan Ismail dan Penyelaras Program Teknologi Tenaga, Dr. Nik Nurul Anis Nik Yussof.

Menurut Ts. Dr. Ainihayati, penawaran program baharu ini dapat juga membantu peningkatan penyelidikan dan pembangunan

mengenai peralihan tenaga dengan paparan peralihan tenaga dan hala tuju kelestarian, kecekapan tenaga serta tenaga boleh diperbaharui.

Katanya, selain itu di samping penggunaan ekosistem kenderaan elektrik dan peralihan tenaga ini akan memesatkan lagi transformasi digital untuk menerapkan gaya hidup yang mampan serta pintar.

“UMK dan FBKT khususnya akan menjadi hub rujukan utama dalam bidang teknologi tenaga memandangkan program ini memfokuskan kepada tiga tujuan iaitu pengurusan Tenaga Boleh Baharu (TBB) dan teknologi penukaran tenaga berteraskan teknopreneur untuk penjaan ekonomi negara,” katanya.

# BICARA INSPIRASI TEKNO HUFFAZ: PERKONGSIAN PENGALAMAN PROGRAM ASASI TEKNOLOGI MAKLUMAT HUFFAZ



JELI, 23 Jan 2024 |  
Pusat Pengajian Asasi  
Universiti Malaysia  
Kelantan (UMK-AsCent)  
telah menganjurkan  
program Bicara Inspirasi  
Tekno Huffaz bersama  
Prof. Dato' Dr. Noor Azizi  
Ismail, di Bilik Lansium,  
Bangunan Fakulti  
Industri Asas Tani (FIAT),  
UMK Kampus Jeli.



Program ini adalah sesi perkongsian inspirasi serta pengalaman tentang program Tekno Huffaz kepada para pelajar dan pensyarah UMK-AsCent.

Program ini adalah program bersiri yang diadakan pada setiap sesi akademik untuk pelajar lebih memahami bidang Teknologi dan Tahfiz lebih mendalam dari sudut pandang Prof. Dato' Dr. Noor Azizi kepada para pelajar.

Selain itu, Program Bicara Inspirasi Tekno Huffaz merupakan perancangan UMK-AsCent bagi memperkukuh hubungan

silaturrahim bersama pengasas Program Asasi Teknologi Maklumat Huffaz untuk perkongsian nasihat yang boleh dimanfaatkan dan berguna kepada pelajar.

Turut berlangsung, segmen bersama dekan jemputan iaitu Dekan FSDK, Prof. Madya Ts. Dr. Hasyiya Karimah Adli dan Pensyarah Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI) Dr. Burhan Bin Che Daud untuk berkongsi hala tuju pelajar selepas tamat pengajian di peringkat asasi.







# PELABUR ARAB SAUDI TINJAU PROJEK PERUSAHAAN TERNAKAN LEMBU TENUSU UMK

BACHOK 28 Januari 2024 |  
Universiti Malaysia  
Kelantan (UMK), hari ini  
menerima kunjungan  
wakil pelabur dari  
Negara Arab Saudi bagi  
meninjau potensi Projek  
Perusahaan Ternakan  
Lembu Tenusu di UMK  
Bachok dan  
UMK Kampus Jeli.



Tetamu kenamaan tersebut diketuai oleh Mr. Abdelrahman Ame Amer serta Mr. Lamine Khemiri dan Mr. Ayman Abdullah Althomairi telah disambut oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan dan Naib Canselor UMK, Prof. Dato'

Dr. Razli Che Razak di Bangunan Canselori, UMK Bachok, Tangok, Kelantan, hari ini.

Turut hadir, Ahli Lembaga Pengarah UMK, Dato' Hj. Mohd Adhan bin Kechik dan Datuk Dr. Mohammad Hardee Ibrahim.

Lawatan dua hari itu melibatkan sesi taklimat oleh wakil UMK dan sesi lawatan tapak ke kawasan sekitar kampus yang berpotensi untuk membangunkan projek perusahaan ini.

# UMK TUBUHKAN UNIT KEUSAHAWANAN DAN KEPIMPINAN HIJAU MELALUI PROJEK ANGEL



- KOTA BHARU 9 Januari 2024 | Universiti
- Malaysia Kelantan (UMK) melalui Asean Network
- for Green Entrepreneurship and Leadership
- (ANGEL) kini sedang giat membangunkan projek
- keusahawanan dan kepimpinan hijau dengan
- menjadikan lima modul utama sebagai teras
- utama untuk menggalakkan aktiviti keusahawanan
- yang memberi fokus kepada penjagaan dan
- pemeliharaan alam sekitar serta kelestarian bumi.



Ketua Projek Erasmus + CBHE Angle UMK, Prof. Madya Dr. Noorshella Che Nawi berkata, lima modul utama yang akan diberi tumpuan iaitu Memahami Komponen dan Cabaran Perniagaan Hijau, Pengenalan kepada Keusahawanan Hijau dan Kemampanan, Asas Kewangan Hijau Mampan, Produk Pembiayaan Hijau serta Pemasaran dalam Hijau Perniagaan.

Beliau berkata, lima modul utama ini dirangka adalah untuk menggalakkan keusahawanan hijau yang secara tidak langsung membuka peluang untuk potensi pertumbuhan ekonomi serta

menyumbang ke arah penyelesaian isu dan cabaran berkaitan dengan kemiskinan serta kualiti pekerjaan yang rendah.

“Dalam usaha mempergiatkan lagi promosi dan memberi kesedaran serta penyampaian maklumat berkaitan dengan projek ANGEL turut berlangsung dua program iaitu Program ANGEL Info Day (9 Januari 2024) dan ANGEL National Conference 2024 (22-23 Januari 2024).

“Program ini mampu meningkatkan lagi kesedaran komuniti setempat termasuk pelajar dan ahli akademik serta industri berkaitan dengan

keusahawanan dan kepimpinan hijau,” katanya pada Majlis Penutup Program ANGEL Info Day 2024, di ANGEL Innovate Unit, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan.

Menurut Prof. Madya Dr. Noorshella, penganjuran kedua-dua program ini memberikan manfaat yang besar bagi pelajar serta membantu mempromosikan kesedaran tentang keusahawanan hijau.



“Penganjuran program ini juga adalah langkah awal untuk mewujudkan contoh-contoh model projek bagi membiasakan pensyarah dan pelajar dengan program-program sukarelawan yang memupuk semangat kelestarian dan memberi sumbangan kepada masyarakat yang bertujuan untuk memperbaiki kualiti persekitaran.

“Selain itu, pendedahan kepada generasi muda tentang program seperti ini yang melestarikan bumi, pelajar juga mendapat pengalaman dengan mempelajari cara menjaga dan menanam tanaman dengan kaedah yang berkesan dan mampu untuk menjaga bumi daripada sebarang kerosakan pada masa akan datang,” katanya.

Tambahnya, UMK telah menerima satu geran antarabangsa iaitu Geran Erasmus Capacity Building for Higher Education (Erasmus+ CBHE) yang memfokuskan kepada negara-negara Asean dalam penyampaian ilmu berkaitan keusahawanan dan kepimpinan hijau pada 15 Januari 2021.

Program ini mampu meningkatkan lagi kesedaran komuniti setempat termasuk pelajar dan ahli akademik serta industri berkaitan dengan keusahawanan dan kepimpinan hijau.

**Prof. Madya Dr. Noorshella Che Nawi**  
Ketua Projek Erasmus + CBHE Angle UMK

“Terdapat 11 universiti Asean terlibat dalam projek ini termasuklah UMK melalui platform ANGEL yang berusaha untuk membantu memupuk kapasiti yang diperlukan dalam keusahawanan hijau dan inovasi dengan sokongan daripada negara Greece dan Cyprus.

Sempena Program ANGEL Info Day turut diadakan sesi taklimat oleh Pensyarah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Prof. Dr. Raja Suzana Raja Kassim bertajuk “How to Win Green Business Pitching and Innovation Competition.

Turut berlangsung, ANGEL 3R Competition dan Games yang disertai oleh pelajar, usahawan dan komuniti setempat.



# UMK SAHUT LIMA INISIATIF UTAMA DAN 20 ASPIRASI KPT



KOTA BHARU 12 Januari 2024 |  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menyahut  
aspirasi yang digariskan oleh YB Menteri  
Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry  
Abdul Kadir, dan akan diterapkan menerusi pelan  
tindakan UMK pada tahun ini bagi mencapai  
hasrat yang telah digariskan.

Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Razli Che Razak berkata, dasar yang diinspirasi oleh KPT ini selari dengan pelan tindakan UMK khususnya dalam usaha meningkatkan prestasi kecemerlangan pendidikan tinggi.

Beliau berkata, ini kerana IPT menjadi penggerak utama pelaksanaan lima fokus dan 20 landasan yang selari dengan

matlamat serta hasrat yang dirangkumkan dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Malaysia 2023-2025 yang diumumkan hari ini.

"Saya percaya dan yakin dengan visi dan misi YB Menteri turut disambut oleh semua warga IPTA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti untuk memartabatkan wibawa

# KE ARAH PENINGKATAN PRESTASI KECEMERLANGAN PENDIDIKAN TINGGI NEGARA



pendidikan tinggi negara dengan semangat kerja berpasukan dan prestasi kerja yang cemerlang.

"Insya-Allah, aspirasi hala tuju ini menjadi pemangkin kepada kebolehcapaian objektif-objektif yang disasarkan iaitu Penyediaan Bakat Terbaik Negara, Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi, Pelaksanaan Pendekatan

Baharu Program Pemandahan dan Perkongsian Ilmu, Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi dan Pemantapan Ekosistem Pemboleh Daya.

"Selain itu, KPT juga menggariskan 20 catatan keprihatinan, yang dirumuskan sebagai 20 landasan, hasil interaksi, perbincangan, dan diskusi dengan pelbagai

pihak, yang pastinya menuju ke arah peningkatan prestasi kecemerlangan pendidikan tinggi negara," katanya selepas menghadiri sesi amanat YB Menteri KPT sempena Landasan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2024, yang berlangsung di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Malaya (UM), hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan dan Ahli Lembaga Pengarah UMK. Sementara itu, seramai 250 mahasiswa UMK dan staf hadir mengikuti siaran langsung majlis tersebut di Dewan Eksperimental, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan, hari ini.



# FTKW & DONGSEO UNIVERSITI KOREA ANJUR BENGKEL PROJEK REKA BENTUK



KOTA BHARU 14 Januari 2024 | Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) melalui Jabatan Teknologi Kreatif dan Jabatan Rekabentuk Dongseo University (DSU) Busan, Korea telah menganjurkan program Introduction to Regional Regeneration Project and Service Design, bertempat di Ignite Venture Lab (IVL), UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan, pada 13 hingga 14 Januari 2024.



Bengkel yang berlangsung dua hari itu adalah platform perkongsian ilmu dan kepakaran kedua-dua universiti untuk membincangkan projek reka bentuk kerjasama dan mengenal pasti potensi serta jurang pengetahuan dari segi reka bentuk yang boleh diterokai bagi kedua-dua universiti.

Delegasi DSU seramai 10 orang diketuai oleh Profesor Dr. Lee Sungpil manakala UMK diwakili

oleh 10 orang pelajar termasuk pensyarah Jabatan Rekabentuk Teknologi Kreatif, FTKW.

Diharapkan kerjasama ini akan terus lebih menyemarakkan budaya pertukaran ilmu daya cipta dan kreativiti yang merentas sempadan budaya dan geografi serta merencanakan lagi program pengantarabangsaan dan mobiliti warga UMK.



Kerjasama dan saling mendukung antara satu sama lain adalah proses pengurusan untuk universiti bergerak dengan lebih efisien dan efektif.

**Prof. Dato' Dr. Razli  
Che Razak**  
Naib Canselor

**KUALA TERENGGANU**  
1 Februari 2024 | Universiti  
Malaysia Kelantan (UMK)  
akan memberi keutamaan  
kepada agenda Hala Tuju  
dan Keberhasilan Utama  
UMK pada tahun 2024  
selari dengan Landasan  
Hala Tuju Kementerian  
Pendidikan Tinggi yang  
disampaikan oleh Menteri  
Pendidikan Tinggi, YB  
Dato' Seri DiRaja Dr.  
Zambry Abd Kadir.

Keutamaan ini juga adalah hasil garapan intipati serta hasrat daripada Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan pada Majlis Aspirasi Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti yang telah berlangsung pada 25 Januari lalu.

Agenda tersebut telah diterjemahkan pada program Retreat Pengurusan UMK 2024 yang telah diadakan di Kuala Terengganu, Terengganu pada 30 Januari hingga 1 Februari 2024.

# HALA TUJU DAN KEBERHASILAN UTAMA UNIVERSITI AGENDA UTAMA RETREAT PENGURUSAN UMK 2024



Dalam bengkel tersebut, Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Razli Che Razak menekankan bahawa titik kebersamaan dalam pengurusan merupakan kunci utama kejayaan dalam mencapai matlamat bersama.

Katanya, kerjasama dan saling mendukung antara satu sama lain adalah proses pengurusan untuk universiti bergerak dengan lebih efisien dan efektif.

"Selain itu, UMK mengambil langkah proaktif dalam menjana pendapatan universiti yang melibatkan strategi seperti meningkatkan penggunaan sumber universiti, membangunkan program perkongsian, dan mengeksploitasi peluang penyelidikan dan inovasi untuk menjana dana tambahan.

"Dengan pendekatan itu, secara tidak langsung dapat membantu universiti menjadi lebih baik dari segi kewangan," katanya.

Sementara itu, beliau berharap retreat kali ini menjadi platform terbaik untuk memperkuat hubungan antara pengurusan kanan dan meningkatkan semangat kerja berpasukan selain menjadi medan perkongsian idea, membangun kepercayaan, dan merancang strategi masa depan universiti secara bersama.

Retreat pada kali ini telah diketuai oleh Pusat Strategik dan Pengurusan Risiko dengan penglibatan bersama daripada pihak Pengurusan Tertinggi Universiti dan Dekan-Dekan Fakulti serta Ketua-Ketua Pusat Tanggung jawab.



# 100 PELAJAR UMK TERIMA SUMBANGAN BANTUAN AWAL YAYASAN BANK RAKYAT

BACHOK 6 Februari 2024 | Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menerima sumbangan berjumlah RM100,000 bagi Program Bantuan Awal Pengajian daripada Yayasan Bank Rakyat untuk membantu meringankan beban pelajar kategori Asnaf/B40.

Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh Pengurus Besar Yayasan Bank Rakyat, En. Syaiful Rizal Abdul Ghani kepada Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Razli Che Razak di Bangunan Canselori, UMK Bachok, hari ini.

Menurut Prof. Dato' Dr. Razli, sumbangan sebanyak RM1,000.00 akan disalurkan kepada 100 orang pelajar yang kurang berkemampuan bagi meringankan beban kewangan pelajar UMK sepanjang pengajian mereka di UMK.

Beliau berkata, sumbangan ini mampu memberi perangsang dan motivasi kepada para pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh dan seterusnya meraih kecemerlangan.



"UMK menghargai usaha baik yang dilakukan Yayasan Bank Rakyat dan pihak UMK mendukung hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan universiti telah menyediakan platform kepada agensi dan industri untuk membantu meringankan beban pelajar kategori Asnaf/B40 sepanjang pengajian.

"Untuk makluman, UMK mempunyai 9,909 pelajar dalam kategori B40 atau 77.2 peratus daripada jumlah enrolmen pelajar seramai 12,836 orang.

"Manakala, daripada jumlah tersebut, pelajar dalam kategori

miskin adalah seramai 912 orang dan pelajar dalam kategori fakir adalah seramai 452 orang," katanya. Beliau amat mengalu-alukan sumbangan pihak luar daripada pelbagai agensi dan industri untuk dihulurkan kepada para pelajar yang kurang berkemampuan.

"UMK amat berharap agar inisiatif seumpama ini akan diteruskan dengan tujuan untuk meringankan beban serta membantu menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif kepada para pelajar yang kurang berkemampuan," katanya.



# UMK DAN TERMEZ STATE PEDAGOGICAL INSTITUTE, UZBEKISTAN JALIN KERJASAMA AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN



BACHOK 8 Februari 2024 | Universiti Malaysia Kelantan melalui Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI) dan Termez State Pedagogical Institute, Republik Uzbekistan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi kerjasama akademik dan penyelidikan, di Bangunan FBI, UMK Bachok, Kelantan, hari ini.

MoU itu bertujuan untuk membangunkan kerjasama pendidikan, penyelidikan dan teknologi antara UMK dan universiti terbaik di Republik Uzbekistan.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Razli Che Razak dan Rektor Termez State University, Mr. Khasanov Azizbek.



Menurut Prof. Dato' Dr. Razli, kerjasama ini adalah selari dengan hasrat untuk menjadikan UMK sebagai institusi bertaraf dunia sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi khususnya dalam hubungan kerjasama antara universiti antarabangsa.

Beliau berkata, UMK telah mengenal pasti bidang kerjasama yang mempunyai potensi besar untuk menjadikan kerjasama ini dapat dilaksanakan khususnya projek penyelidikan, program pendidikan kolaboratif, atau inisiatif khidmat komuniti.

Kerjasama ini penting untuk perkongsian kepakaran antara kedua-dua pihak dalam menangani cabaran pada hari ini.

"Selain itu, kerjasama ini juga membuka banyak peluang program mobiliti pensyarah dan pelajar termasuklah program pembangunan akademik yang akan memberi manfaat kepada komuniti masing-masing dan menyumbang kepada landskap akademik global," katanya.

# UMK BANGUNKAN PROJEK PENANAMAN GERMPLASM KELAPA

Universiti berhasrat menjadikan projek pembinaan Germplasm Kelapa di Ladang ATP ini sebagai pusat rujukan, penyelidikan dan latihan penanaman kelapa terbaik kepada masyarakat serta usahawan tani di Negeri Kelantan.

**Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah**  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Inovasi)

BACHOK 7 Februari 2024 | Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Agro Techno Park (ATP), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) kini sedang membangunkan projek penanaman Germplasm Kelapa di Ladang Agro Techno Park (ATP), UMK Bachok, Kelantan.

Projek penanaman Germplasm Kelapa ini telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah, sebagai salah satu projek berimpak tinggi dan mampu menjana pendapatan yang lumayan kepada universiti pada masa hadapan.

Menurut Prof. Ts. Dr. Arham, Universiti berhasrat menjadikan projek pembinaan Germplasm Kelapa di Ladang ATP ini sebagai pusat rujukan, penyelidikan dan latihan penanaman kelapa terbaik kepada masyarakat serta usahawan tani di Negeri Kelantan.

Katanya, dana bagi membiayai projek ini adalah hasil daripada sumbangan di bawah projek Lembah Baraqah yang disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri Kelantan, YB Ust. Hj Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berjumlah RM20,000, pada Oktober 2020.

"Plot germplasm kelapa ini menempatkan beberapa varieti kelapa di Malaysia untuk dijadikan showcase di UMK pada masa akan datang.

"Antara varieti kelapa yang ditanam adalah Mataq, Sungai Gulang-gulang (SGG), Tacunan Pandan, Mareela, Cerani dan lain-lain. Penanaman ini akan melibatkan sebanyak 18 hingga 20 pokok daripada setiap varieti dan dijangka dalam tempoh tiga tahun pokok kelapa akan membuahkan hasil," katanya.



PULAU PANGKOR 28 Februari 2024 | Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI) serta Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) telah mengadakan Bengkel Perusahaan Sosial Bersama Komuniti 2024 di Pulau Pangkor, Perak, pada 28 Februari 2024.

Menurut Felo Bersekutu InsPeK, Prof. Madya Dr. Mohd Hafiz Jamaludin, program ini adalah untuk membantu komuniti setempat dalam melaksanakan projek-projek perusahaan sosial yang bersesuaian dengan faktor demografi serta pendedahan

## ⋮ BENGKEL ⋮ PERUSAHAAN SOSIAL ⋮ BERSAMA ⋮ KOMUNITI 2024

berkaitan penjenamaan produk, pemasaran digital, pengurusan kewangan dan penyediaan produk juga diberikan keutamaan.

Beliau berkata, golongan yang dibelunggu kemiskinan akan diberikan perhatian melalui aktiviti berkaitan dengan pemindahan ilmu, pemerksaan pendidikan dan pembangunan sosial bagi menguruskan kemiskinan, dengan melaksanakan pelbagai kajian dan program pemindahan ilmu yang terbukti berjaya dengan menggunakan instrumen pemetaan dan pemantauan yang dibangunkan oleh penyelidik dari UMK.

“Tujuan pelaksanaan bengkel ini adalah membantu komuniti setempat dalam melaksanakan projek-projek perusahaan sosial yang bersesuaian dengan demografi tempat di kawasan tersebut,” katanya.

Program ini juga merupakan platform untuk mengetengahkan produk-produk penyelidikan dan inovasi dalam memberi ilmu kepada masyarakat dari segi penghasilan produk-produk sosial untuk dipasarkan.

# LAMAN WOODBALL UMK BERTARAF ANTARABANGSA TERIMA PENGIKTIRAFAN PERSATUAN WOODBALL MALAYSIA (MWA)

BACHOK 8 Februari 2024 | Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melakar sejarah apabila Laman Woodball UMK diiktiraf gelanggang Woodball pertama di Malaysia yang mendapat pengiktirafan dari Persatuan Woodball Malaysia (WMA) sekaligus menjadi gelanggang woodball pertama di negeri Kelantan.

Majlis perasmian gelanggang yang menepati piawaian WMA itu telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Razli Che Razak, di Lobi Bangunan Canselori dan Laman Woodball, UMK Bachok, hari ini.

Detik bersejarah itu, turut disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Mohammad Ismail, Penolong Pengarah (Khidmat Pengurusan) Majlis Sukan Negeri Kelantan, Yang Mulia Tuan Aziz Tuan Mat, Timbalan Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan, Encik Hazri Nizam Zakaria, Naib Presiden WMA, En. Zulkarnain Mohamed Shahrudin dan Pengarah Pusat Sukan UMK, Encik Wan Ahmad Khairul Wan Ahmad Najib.





Satu penghargaan yang sangat besar buat UMK dengan pengiktirafan oleh WMA untuk membangunkan sukan ini khususnya kepada pelajar sekolah, orang awam, agensi kerajaan dan sebagainya.

**Prof. Dato' Dr. Razli Che Razak**  
Naib Canselor



Menurut Prof. Dato' Dr. Razli, dengan penarafan ini Laman Woodball UMK akan dijadikan lokasi pertandingan sirkit woodball peringkat kebangsaan yang dijadualkan berlangsung pada pertengahan tahun 2024.

Katanya, gelanggang bertaraf antarabangsa itu mula dibangunkan pada Julai 2023 menerusi peruntukan yang besar bagi memastikan pembinaan gelanggang woodball ini berjalan dengan lancar.

"Satu penghargaan yang sangat besar buat UMK dengan pengiktirafan oleh WMA untuk membangunkan sukan ini khususnya kepada pelajar sekolah, orang awam, agensi kerajaan dan sebagainya.

"Saya dimaklumkan bahawa Persatuan Woodball Malaysia kini dalam proses membida acara woodball dalam Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA).

"Dengan berlangsungnya kejohanan-kejohanan yang dipertandingkan ini, ia menjadi sebahagian daripada program keusahawanan sosial khususnya dalam memacu ekonomi penduduk setempat selain khidmat komuniti UMK kepada masyarakat," katanya.

Pada majlis itu, Prof. Dato' Dr. Razli dan tetamu kenamaan berpeluang mencuba permainan sukan woodball sambil menikmati ketenangan tasik UMK yang mempunyai pemandangan indah sebagai gimik perasmian gelanggang woodball UMK.



Program ini adalah selari dengan semangat Semarak Siswa Madani universiti melalui mahasiswa sentiasa bersama komuniti.

**Prof. Dr. Mohammad Ismail**  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

# PERKAMPUNGAN ORANG ASLI POS BLAU DIPILIH KAMPUNG ANGKAT UMK

GUA MUSANG 15 Februari 2024 | Perkampungan Orang Asli Pos Blau, yang terletak di pedalaman Gua Musang, Kelantan, dipilih sebagai kampung angkat Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sempena Program Kampung Angkat UMK bersama Komuniti Pos Blau, hari ini.

Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Razli Che Razak berkata, Pos Blau dipilih sebagai Kampung Angkat UMK untuk program sosial korporat (CSR) UMK bagi membantu komuniti di sini khususnya untuk meningkatkan kemajuan dan pembangunan ekonomi setempat di kampung tersebut.

Beliau berkata, Pos Blau dipilih sebagai Kampung Angkat UMK adalah untuk memastikan keterlihatan UMK di lokaliti setempat melalui penganjuran program-program tertentu khususnya program berbentuk kemasyarakatan.



Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA), Gua Musang, En. Bakar Halim.

Sementara itu, Prof. Dr. Mohammad berkata, program ini adalah selari dengan semangat Semarak Siswa Madani universiti melalui mahasiswa sentiasa bersama komuniti.

“Program ini juga menggalakkan penglibatan komuniti dan mahasiswa khususnya dalam memperkasakan bakat dan kemahiran mahasiswa untuk menangani isu serta masalah dalam komuniti setempat.

“Sepanjang 2 hari UMK bersama Komuniti Pos Blau, beberapa program telah dijalankan seperti Program Khidmat Komuniti I-UMK dalam kalangan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun iaitu program pendedahan elemen kerohanian contohnya untuk bacaan solat, bacaan surah-surah lazim dan sebagainya.

“Selain itu, pengisian program “Blau Comei Lotey” iaitu program pendedahan kepada cara

penjagaan kecantikan dalam kalangan belia wanita di Pos Blau. Lebih menarik ialah program “Suara Emas Pos Blau” iaitu program pertandingan nyanyian dan Program “Gomo Rakyat Blau” iaitu program sukaneka,” katanya pada Program Penyerahan Kampung Angkat UMK Bersama Komuniti di Pos Blau, Gua Musang Kelantan.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Galas, YB Haji Mohd Syahbuddin bin Hashim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Dr. Mohammad Ismail, Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri Kelantan dan Terengganu, Pn. Zarina Razlan, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan

Katanya, pihak UMK akan bekerjasama dengan pihak Pejabat Adun Galas untuk merancang program-program yang bersesuaian dengan keperluan komuniti. Sekalung penghargaan kepada pelajar yang terlibat terutama mahasiswa yang telah mengendalikan hampir kesemua program yang diadakan.

“Program-program ini merupakan program permulaan dan pihak UMK akan terus mengadakan program lain yang bersesuaian dengan keperluan komuniti Pos Blau. Terima kasih diucapkan kepada pasukan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) atas sokongan dalam menjayakan program ini,” katanya.

# ACARA SUKAN WOODBALL BUKA TIRAI KEJOHANAN SUKAN ANTARA PUSAT SUKAN 2024

BACHOK 23 Februari 2024 | Sukan Woodball menjadi acara pembuka tirai Kejohanan Sukan Antara Pusat Sukan (SUPSAT) 2024, yang berlangsung di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Bachok, hari ini.

Lebih 24 pasukan dari 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengambil bahagian pada sesi pemanasan badan kejohanan SUPSAT 2024 yang berlangsung selama dua hari bermula 23 hingga 24 Februari 2024.

Gelanggang Woodball UMK yang mula dibina pada Julai 2023 telah menerima pengiktirafan dari Persatuan Woodball Malaysia (WMA).

Selain itu, turut berlangsung dua acara lain iaitu Bola Sepak Penalti dan Tenpin Boling Campuran.

Menurut Pengarah Pusat Sukan UMK, En. Wan Ahmad Khairul Wan Mohd Najib, lebih 650 orang peserta terdiri daripada 21 kontinjen Pusat Sukan Universiti Awam daripada pelbagai gred memeriahkan kejohanan SUPSAT 2024 kali ini.

Katanya, UMK dengan kerjasama Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) menjadi tuan rumah untuk kejohanan kali ini.

"Enam acara dipertandingkan iaitu Woodball, Bola Sepak Penalti, Tenpin Boling Campuran, Petanque Campuran, Karom dan Dart.

Majlis Perasmian SUPSAT 2024 telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) selaku Pengerusi (MASUM), Prof. Ts. Dr. Mohd Mustafa Al Bakri bin Abdullah.







## UNIMAP JUARA KESELURUHAN KEJOHANAN SUPSAT 2024

BACHOK 24 Februari 2024 | Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) muncul juara keseluruhan menerusi pungutan tiga pingat emas dan satu pingat perak pada Kejuhan Sukan Antara Staf Pusat Sukan (SUPSAT) 2024.

Manakala, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) selaku tuan rumah menamatkan saingan dengan memenangi dua emas (acara Bola Sepak Penalti dan Tenpin Boling Campuran) dan satu gangsa (Woodball) untuk bergelar Naib Juara keseluruhan kejuhan SUPSAT 2024. Tempat ketiga dimenangi Universiti Malaysia (UM) dengan dua pingat emas dan satu gangsa.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Mohammad Ismail pada Majlis Makan Malam dan Penutup Kejuhan Sukan Antara Staf Pusat Sukan (SUPSAT) 2024, di Dewan Tuanku Canselor, UMK Bachok, malam tadi.

Turut hadir, Timbalan Pengerusi I MASUM merangkap Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) UniSZA, Dato' Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hafiz Yusof dan Pengarah Pusat Sukan UMK merangkap Pengarah Kejuhan Sukan Antara Staf Pusat Sukan SUPSAT 2024 Encik Wan Ahmad Khairul bin Wan Ahmad Najib.



Menurut Prof. Dr. Mohammad, UMK dengan kerjasama Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) telah mengambil inisiatif melaksanakan Kejuhan Sukan Antara Staf Pusat Sukan atau dikenali sebagai SUPSAT.

Beliau menyifatkan, kejuhan ini bertujuan untuk mengeratkan ukhuwah dan silaturrahim di antara staf Pusat Sukan universiti awam yang lain.

"Komitmen UMK dalam sukan woodball terserlah dengan inisiatif membina gelanggang woodball yang baharu. Laman Woodball UMK ini adalah gelanggang woodball pertama di Malaysia yang mendapat pengiktirafan daripada Persatuan Woodball Malaysia dan merupakan gelanggang woodball pertama di Negeri Kelantan.

"Adalah keutamaan kami di UMK untuk memastikan sukan woodball dipertandingkan ke dalam acara SUPSAT UMK 2024," katanya.

Sementara itu, Prof. Dr. Mohammad berharap MASUM dapat memberi sokongan penuh kepada UMK untuk melaksanakan tanggungjawab dalam lain-lain penganjuran kejuhan sukan seperti Karnival Sukan MASUM, MASUM Cup dan sebagainya.

"Kejuhan-kejuhan yang dipertandingkan ini adalah sebahagian daripada keusahawanan sosial dalam memacu ekonomi penduduk setempat selain khidmat komuniti UMK kepada masyarakat," katanya.



# TELAGA TIUB UMK BEKAL 79 RIBU GELEN AIR SEHARI

KOTA BHARU 28 Februari 2024 | Kira-kira 3,000 pelajar dan 700 staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mendapat manfaat sumber air bersih daripada pembinaan projek telaga tiub dan sistem penapisan air alternatif di tangki air utama di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Bachok Kelantan.

Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Razli Che Razak dalam temubual khas bersama wartawan TV3, En Shahnun Hanif di UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa memaklumkan Projek Pembinaan Telaga Tiub UMK telah berjaya membekalkan sebanyak 79,000 gelen air bersih dalam sehari.

UMK telah membelanjakan hampir RM300,000.00 bertujuan untuk menyokong pembekalan sumber air kepada warga UMK Bachok.

Projek telaga tiub dan sistem penapisan air ini telah dibangunkan dengan menggunakan kepakaran dalaman UMK, iaitu daripada pihak Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur dengan kerjasama Fakulti Sains Bumi (FSB).



# UMK LAYAK KE LIGA PREMIER FUTSAL IPT 2024



KUALA LUMPUR 4 Mac 2024 | Pasukan Futsal Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menamatkan penantian 10 tahun apabila berjaya memenuhi slot kekosongan untuk layak ke Liga Premier Futsal IPT (LFIPT) 2024, selepas menjuarai pasukan peringkat kumpulan C.

Skuad UMK dan tiga pasukan bakal memberi saingan pada LFIPT 2024 yang bakal berlangsung dalam tiga fasa bermula April 2024 di USM, Pulau Pinang (19 - 21 April), Universiti Pendidikan Sultan Idris (21-23 Mei 2024) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (2 - 5 Oktober 2024).

UMK memberi tentangan sengit dalam saingan awal di peringkat kumpulan selepas seri 1-1 dengan pasukan UC TATI pada perlawanan pertama sebelum menumpaskan GMI FT dengan jaringan 11-0 pada perlawanan kedua.

Pada pusingan ke-2, pasukan futsal UMK berjaya mengetepikan saingan UNISEL dengan kemenangan

2-1 sebelum mengesahkan penyertaan ke Liga Premier dengan menumpaskan USAS 2-1 di saingan suku akhir.

Menurut Pengarah Pusat Sukan UMK, Wan Ahmad Khairul Wan Ahmad Najib, dengan pencapaian pasukan futsal ke Liga Premier ini pihaknya akan terus memastikan pasukan mempamerkan kecemerlangan secara konsisten dalam memberi saingan kepada pasukan-pasukan lain untuk mencapai kejayaan dan melakar sejarah untuk UMK.

Beliau berharap UMK mampu memberi tentangan sengit dan seterusnya mara ke peringkat akhir sekaligus membawa pulang kejuaraan.

# SMART CLASSROOM UMK DILENGKAPI TEKNOLOGI IR4.0 DAN SISTEM KECERDASAN BUATAN (AI)

- KOTA BHARU 3 Mac 2024 |
- Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
- hari ini melancarkan Smart Classroom yang
- dilengkapi Teknologi Industri 4.0 (IR4.0)
- dan sistem kecerdasan buatan (AI) terkini
- untuk membuka lebih banyak ruang serta
- peluang Pengajian dan Pembelajaran
- (P & P) dilaksanakan secara dalam talian.

Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Razli Che Razak berkata, pembangunan Smart Classroom itu dibangunkan di ketiga-tiga kampus dengan kemudahan teknologi terkini.

Beliau berkata, dalam konteks pendidikan tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) secara khususnya telah menggariskan





Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global yang merupakan lonjakan kesembilan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi).

“Smart Classroom di UMK ini juga akan menyokong pembelajaran secara hibrid dan jadual anjal (HyFlex), yang membolehkan

para pelajar menghadiri kuliah di universiti pada tahun pengajian tertentu sahaja, seperti model 2H2U yang sedang dirancang ketika ini.

“KPT melihat kaedah ini antara inisiatif dalam membantu pelajar daripada terus terbeban dengan kos pengajian, selain memberi mereka ruang yang fleksibel untuk menjalankan aktiviti seharian yang lain,” katanya pada Majlis Pelancaran Smart Classroom UMK, di Bilik Kuliah Smart Classroom, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, pada 3 Mac 2024.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dato’ Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Pengarah Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA), Prof. Madya Dr. Mohamad Najmi Masri dan Pengarah Eksekutif E-One Technology Sdn. Bhd., Mr. Johnson Lew.

Sementara itu, Prof. Dato’ Dr. Nik Maheran berkata, fasiliti Smart Classroom UMK terdiri lima set peralatan advanced dan 19 set peralatan basic yang ditempatkan mengikut kapasiti penggunaan iaitu 11 di UMK Kampus Kota, 10 di Bachok dan tiga di Kampus Jeli.

Katanya, selain itu, Smart Classroom tersebut juga turut dilengkapi dengan 280 unit smart furniture.

“Kemudahan Smart Classroom ini juga akan menjadi pendekatan pedagogi utama UMK, yang membolehkan pelajar mendapat manfaat daripada prasarana siber yang mantap untuk menggunakan teknologi seperti sidang video dan penstriman langsung (live streaming), terutamanya bagi pengguna Massive Open Online Courses (MOOC), kursus-kursus Microcredential (MC) dan Open Distance Learning (ODL),” katanya.

Tambah beliau, objektif pembangunan Smart Classroom ini adalah bertujuan untuk menyokong pembelajaran secara hibrid dan fleksibel (Hylex), sesuai dengan pendekatan baharu yang disarankan oleh KPT untuk dilaksanakan di Universiti Awam seperti program 2H2U, pemendekan tempoh pengajian serta amalan 50 peratus sesi P&P dilaksanakan secara atas talian.

Objektif pembangunan Smart Classroom adalah bertujuan untuk menyokong pembelajaran secara hibrid dan fleksibel (Hylex), sesuai dengan pendekatan baharu yang disarankan oleh KPT.

**Prof. Dato’ Dr. Nik Maheran Nik Muhammad**  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)

# UMK DAN UMS TANDATANGANI PERJANJIAN HARTA INTELEK TEKNOLOGI INSOLER



- KOTA KINABALU 6 Mac 2024 | Universiti Malaysia
- Kelantan (UMK) dan Universiti Malaysia Sabah
- (UMS) menandatangani Perjanjian Harta Intelek
- untuk produk inovasi Integrated Solar Dryer
- (INSOLER) yang dipatenkan melalui projek
- penyelidikan di bawah geran Kementerian
- Kewangan (MOF).

Majlis menandatangani perjanjian itu telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Razli Che Razak dan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor, di Fakulti Kejuruteraan (FKJ), UMS, Kota Kinabalu, Sabah, hari ini.



Menurut Prof. Dato' Dr. Razli, perjanjian Harta Intelek ini merupakan satu inisiatif bagi mencapai kejayaan meningkatkan hasil kerja Inovasi di UMK sekaligus meningkatkan teras keusahawanan di UMK melalui inovasi hasil penyelidikan UMK.

Beliau memaklumkan bahawa perkongsian harta Intelek antara UMS dan UMK adalah menerusi produk inovasi INSOLER yang telah dibangunkan pada 31 Disember 2019 sehingga 30 Jun 2022 dengan peruntukan sebanyak RM455,000.00.

"Inovasi INSOLER merupakan sistem pengeringan solar yang direka bentuk untuk menggalakkan pertanian lestari dengan meningkatkan pengeringan hasil pertanian dan mengurangkan pembaziran makanan.

"Dua unit INSOLER telah dihasilkan dengan satu unit di UMS berkapasiti 200 kilogram manakala satu unit lagi dibina di UMK berkapasiti 2,000 kilogram yang digunakan untuk projek komuniti untuk pengeringan ikan bekok di Tumpat, Kelantan," katanya.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UMS, Prof. Ir. Dr. Rosalam Hj Sarbatly, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UMK, Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah, Pengarah Kanan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), UMK, Prof. Ir. Ts. Dr. Julie Juliewatty Mohamed, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan, UMS, Prof. Dr. Jumat Sulaiman dan Pengarah Bahagian Komersial dan Harta Intelek (ICD), UMK, Dr. Mardawani Mohamad.

Sementara itu, Prof. Ts. Dr. Arham berkata, projek inovasi INSOLER telah membantu pengusaha ikan bekok untuk terus beroperasi khususnya pada musim tengkujuh kerana INSOLER mempunyai proses yang lebih sistematik dan berkualiti seperti kawalan suhu, kelembapan dan masa menggunakan sistem elektronik.

Katanya, inovasi telah memberi manfaat kepada peningkatan kapasiti penghasilan ikan bekok sebanyak 300 peratus kerana masa pemprosesan menggunakan

INSOLER hanya memerlukan satu jam berbanding kaedah konvensional adalah selama tiga jam.

"Pihak kami telah berjaya memastikan bahawa projek INSOLER mampu menjimatkan penggunaan elektrik disebabkan reka bentuk fasiliti yang menggunakan (UTILIZE) atau haba matahari dan perolakan haba.

"Beberapa pencapaian dan pengiktirafan telah diterima di peringkat antarabangsa dan nasional iaitu merangkul anugerah Best of The Best dan pingat emas dalam PECIPTA 2022 yang telah berlangsung di UMK," katanya.

Beliau berharap projek INSOLER yang dilaksanakan dengan kerjasama antara UMK dan UMS ini dapat menyumbang kepada komuniti bagi penjaan pendapatan penduduk setempat serta kolaborasi bersama pihak industri melibatkan penggunaan teknologi INSOLER.



# UMK MENANG DUA ANUGERAH KEUSAHAWANAN KPT 2023,

## FINALIS INSTITUSI UNIVERSITI TERBAIK

.....

KUALA LUMPUR 8 Mac 2024 | Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berjaya ke peringkat akhir bagi kategori Institusi Universiti Terbaik, Anugerah Keusahawanan Kementerian Pendidikan Tinggi 2023 (AKKPT 2023) sekali gus membawa pulang wang tunai sebanyak RM30,000.00 dan trofi.

UMK juga turut membawa pulang dua anugerah iaitu Pengarah Pusat Keusahawanan Terbaik dan Anugerah Perusahaan Pelajar Terbaik (tempat ketiga) sempena Majlis Anugerah Keusahawanan Kementerian Pendidikan Tinggi 2023 (AKKPT 2023), yang berlangsung di M Resort & Hotel Kuala Lumpur.

Anugerah Pengarah Keusahawanan Terbaik dimenangi oleh Pengarah Kanan Institut Keusahawanan UMK (UMKEI), Prof. Dr. Mohd Nor Hakimin Yusoff, yang membawa

pulang wang tunai RM5,000.00 dan trofi.

Sementara itu, Perusahaan Dwan Collection yang diusahakan oleh graduan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Wan Nurul Aida Azwa Wan Ahmad membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM15,000.00, untuk tempat ketiga bagi kategori Anugerah Perusahaan Pelajar Terbaik.


Anugerah telah disampaikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zamry Abd







Anugerah ini merupakan platform pengiktirafan tertinggi kementerian terhadap komitmen jitu dan usaha tanpa jemu institusi pendidikan tinggi, tenaga pengajar, para pembimbing, pelajar dan graduan untuk memperkasakan agenda keusahawanan di IPT, selain meningkatkan persaingan sihat dan menyuburkan semangat keusahawanan.



Kadir diiringi oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang.

Turut hadir, Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Razli Che Razak, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Dr. Mohammad Ismail dan Pengarah Pusat Pembangunan Dan Pendidikan Keusahawanan (CEED), Dr. Mohd Safwan Bin Ghazali.

Bagi siri AKKPT 2023 kali ini, UMK telah menghantar 13 pencalonan bagi enam kategori untuk merebut

17 anugerah yang dipertandingkan dan hasil pemilihan panel juri, 9 calon telah terpilih sebagai finalis ke sesi pembentangan akhir.

Anugerah ini merupakan platform pengiktirafan tertinggi kementerian terhadap komitmen jitu dan usaha tanpa jemu institusi pendidikan tinggi, tenaga pengajar, para pembimbing, pelajar dan graduan untuk memperkasakan agenda keusahawanan di IPT, selain meningkatkan persaingan sihat dan menyuburkan semangat keusahawanan.

KPT telah menerima 213 penyertaan daripada IPT seluruh Malaysia yang seterusnya telah dinilai oleh panel penilai yang dilantik dalam kalangan tokoh industri dan pakar pelbagai bidang terutamanya keusahawanan.

Sebanyak 16 kategori telah dipertandingkan; sembilan (9) daripada Kategori Utama; dan tujuh (7) bagi Kategori Anugerah Khas Keusahawanan Digital dan Inovasi.

# INSPIRASIPRENEUR COMMUNITY

## PROGRAM PEMINDAHAN ILMU BERIMPAK BANTU KOMUNITI MISKIN KELUAR DARIPADA KEMISKINAN



- PASIR PUTEH 10 Mac 2024 | Program pembangunan
- usahawan asnaf telah berjaya meningkatkan punca
- pendapatan masyarakat nelayan kira-kira RM1,200-
- RM2,000 sebulan menerusi Program Inspirasipreneur
- Community YaPEIM-Maybank Islamic Berhad.

Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail berkata, pendapatan yang diperolehi para peserta itu menggambarkan projek pembangunan asnaf tersebut telah memperoleh kejayaan luar biasa.

Beliau berkata, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dengan kerjasama Maybank Islamic Berhad telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM1 juta bagi pelaksanaan projek Inspirasipreneur Community YaPEIM-Maybank Islamic Berhad dengan kerjasama UMK ini.

“Projek ini telah pun dilaksanakan di Penempatan Semula Nelayan Tok Bali (PSNTB) melibatkan Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA), Pasir Puteh dan Ketua Isi Rumah (KIR) Orang Kurang Upaya di Kampung Telong, Bachok dengan jumlah peserta seramai 100 orang.

“Melalui projek ini, UMK telah berjaya membantu golongan asnaf dan OKU berdikari dan bebas daripada kemiskinan,” katanya pada Majlis Peluncuran Program Pembangunan Usahawan Asnaf (Inspirasipreneur Community YaPEIM-Maybank Islamic Berhad), yang disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif YaPEIM, Encik

Ameer Ali Vali Mohamed di PSNTB, Pasir Puteh, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic Berhad, Nor Shahrizan Sulaiman.

Menurut Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal, Perusahaan Ikan Lunak itu disertai seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA) Tok Bali dibawah bimbingan Dr. Nurhanan binti Abdul Rahman.

Katanya, projek ini dibantu oleh rakan strategik iaitu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dengan misi untuk menjadikan produk ikan lunak sebagai produk pelancongan di Tok Bali dan membuka outlet bagi penjualan produk ikan lunak.

Melalui projek ini, UMK telah berjaya membantu golongan asnaf dan OKU berdikari dan bebas daripada kemiskinan.

**Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail**  
Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan  
Kemiskinan (InsPeK)



Sementara itu, Projek Ternakan Ayam Kampung Kacuk diketuai oleh Dekan Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), Dr. Mohd Farhan Hanif bin Reduan.

“Seramai 50 orang peserta terdiri daripada KIR dan Ahli Isi Rumah (AIR) OKU di Kampung Telong, Bachok telah membantu projek ini secara langsung dan tidak langsung.

“Projek ini turut dibantu oleh rakan strategik iaitu Majlis Pemulihan Negeri Kelantan (MPNK).

“Pihak kami telah membangunkan kompleks industri untuk ternakan ayam kampung kacuk di Pusat Pemulihan Orang Kurang Upaya Kg. Aur Telong, Bachok, Kelantan,” katanya.



# AKKPT 2023



Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berjaya ke peringkat akhir bagi kategori Institusi Universiti Terbaik, Anugerah Keusahawanan Kementerian Pendidikan Tinggi 2023 (AKKPT 2023) sekali gus membawa pulang wang tunai sebanyak RM30,000.00 dan trofi.

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI • ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST

